

# **PERUBAHAN CUKAI, ERS & REBAT - FAKTA-FAKTA ASAS**

## **FAKTA ASAS**

### **Perubahan pada Kadar Cukai**

Kadar cukai syarikat dan kadar cukai pendapatan peribadi tertinggi akan dikurangkan kepada 20% dalam masa 3 tahun akan datang. Buat permulaan, kedua-dua kadar cukai syarikat dan pendapatan peribadi tertinggi akan dipotong kepada 22%. GST akan dinaikkan dari 3% kepada 5%.

### **Perlunya Menurunkan Kadar Cukai Syarikat dan Pendapatan Peribadi**

Kita mahukan lebih banyak pekerjaan dan pekerjaan yang lebih baik untuk rakyat Singapura. Jika kadar cukai syarikat dan pendapatan peribadi dikurangkan, kita akan menjadi lebih berdaya saing, dan ia membantu kita mewujudkan lebih banyak pekerjaan.

Kadar cukai syarikat yang lebih rendah akan menarik dan membantu syarikat-syarikat kekal di Singapura. Syarikat-syarikat ini akan dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan dan pekerjaan yang lebih baik untuk rakyat Singapura.

Dengan kadar cukai pendapatan peribadi yang lebih rendah, orang-orang yang amat berkebolehan akan tertarik untuk bekerja di Singapura dan menyumbang kepada ekonomi kita. Malah sebahagian daripada mereka mungkin menggalakkan syarikat mereka untuk berpindah ke sini dan membantu mengembangkan ekonomi kita.

### **Saham Penyusunan Semula Ekonomi (ERS)**

Anda layak menerima ERS jika anda berusia sekurang-kurangnya 21 tahun dan menyumbang sekurang-kurangnya \$50 ke dalam akaun CPF anda setiap tahun pada tahun 2002, 2003 dan 2004.

Jumlah ERS yang anda dapat bergantung kepada nilai tahunan rumah anda dan juga taraf anggota Perkhidmatan Negara anda. Hampir setiap orang yang tinggal di flat HDB akan dapat sekurang-kurangnya \$1200, dengan anggota Perkhidmatan Negara mendapat lebih.

**Jadual 1: ERS bagi setiap orang dalam Tempoh 3 tahun**

| <b>Kategori</b>                         | <b>Nilai Tahunan Rumah Anda</b> |                         |
|-----------------------------------------|---------------------------------|-------------------------|
|                                         | <b>Sehingga \$10,000</b>        | <b>\$10,000 Ke atas</b> |
| Bukan Anggota Perkhidmatan Negara       | \$1,200                         | \$600                   |
| Anggota Perkhidmatan Negara Tidak Aktif | \$1,300                         | \$700                   |
| Anggota Perkhidmatan Negara Aktif       | \$1,400                         | \$800                   |

ERS mempunyai kadar dividen yang sangat menarik. yang sangat menarik. Dividennya ialah 3% setahun ditambah dengan kadar pertumbuhan Hasil Kasar Dalam Negeri sebenar, dengan jaminan sekurang-kurangnya 3%. Apabila ekonomi Singapura berkembang, wang anda juga akan bertambah. Anda akan meraih dividen yang sebanyaknya jika anda menyimpan ERS anda selama 5 tahun.

## Penjagaan Kesihatan dan Pendidikan

Kos penjagaan kesihatan dan pendidikan tidak akan terjejas. Pemerintah akan menyerap seluruh GST untuk sekolah, Institut Pendidikan Teknikal (ITE), politeknik dan universiti serta wad-wad bersubsidi dan poliklinik-poliklinik. Apabila kadar GST naik, Pemerintah akan menambah subsidi penjagaan kesihatan dan pendidikan untuk mengimbangi kenaikan itu.

## Rebat Sewa dan S&CC HDB

Pemerintah akan memberikan rebat Sewa dan Bayaran Perkhidmatan dan Penyenggaraan (S&CC) HDB untuk tempoh 5 tahun dari 1 April 2003 hingga 31 Mac 2008, untuk membantu rakyat Singapura yang tinggal di flat-flat HDB.

| <b>Bayaran Perkhidmatan dan Penyenggaraan bagi tempoh<br/>1 Apr 2003 - 31 Mac 2004</b> |                                                                       |                                                                                                                           |
|----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jenis flat keluarga<br/>HDB</b>                                                     | <b>Bilangan bulan di<br/>mana anda tidak<br/>perlu bayar S&amp;CC</b> | <b>Dalam bulan-bulan di mana<br/>anda perlu bayar S&amp;CC,<br/>pemerintah akan<br/>mengurangkan bayaran<br/>sebanyak</b> |
| 1-bilik                                                                                | 5 bulan                                                               | \$8 sebulan                                                                                                               |
| 2-bilik                                                                                | 4 bulan                                                               | \$7 sebulan                                                                                                               |
| 3-bilik                                                                                | 4 bulan                                                               | \$4 sebulan                                                                                                               |
| 4-bilik                                                                                | 3 bulan                                                               | --                                                                                                                        |
| 5-bilik                                                                                | 2 bulan                                                               | --                                                                                                                        |

| <b>REBAT SEWA</b>                  |                                                                   |                                                                                                                |
|------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jenis flat keluarga<br/>HDB</b> | <b>Bilangan bulan di<br/>mana anda tidak<br/>perlu bayar sewa</b> | <b>Dalam bulan-bulan di mana anda<br/>perlu bayar sewa, pemerintah<br/>akan mengurangkan sewa<br/>sebanyak</b> |
| 1-bilik                            | 4 bulan                                                           | \$12 sebulan                                                                                                   |
| 2-bilik                            | 2 bulan                                                           | \$8 sebulan                                                                                                    |

**Di sini diberi contoh beberapa keluarga biasa dan bagaimana mereka akan mendapat manfaat daripada pakej untuk mengimbangi kenaikan GST.**

**1) Keluarga En Tan - tinggal di flat sewa HDB 2-bilik:**

Keluarga En Tan tinggal di flat sewa HDB 2-bilik. En Tan berusia 45 tahun. Dua bulan lalu, En Tan diberhentikan kerja sebagai buruh dengan gaji \$1,600 sebulan. Isterinya bekerja sebagai pembersih pejabat dengan gaji \$1,200 sebulan. Mereka mempunyai 2 orang anak yang menuntut di sekolah menengah.

**Bagaimana kenaikan GST akan menjejaskan keluarga En Tan?**

Keluarga ini belanja \$18,660 setahun. Tambahan GST sebanyak 2% akan menambahkan perbelanjaan mereka paling banyak \$373 setahun.

**Manfaat dan bantuan yang akan diterima oleh keluarga En Tan:**

- **Saham ERS.** Sebagai seorang yang bukan Anggota Perkhidmatan Negara, En Tan akan menerima Saham Penyusunan Semula Ekonomi (ERS) bernilai \$1,200. Isterinya juga begitu. Dengan itu, keluarga En Tan akan menerima ERS berjumlah \$2,400. Dengan dividen daripada ERS, jumlahnya akan bertambah lagi.
- **Rebat S&CC dan sewa.** Dengan pakej untuk mengimbangi GST, keluarga En Tan akan mendapat manfaat daripada rebat bayaran perkhidmatan dan penyenggaraan (S&CC) dan rebat sewa bulanan. Mereka akan menerima rebat berjumlah \$1,140 bagi bayaran S&CC dan bayaran sewa, untuk jangka masa 5 tahun.

Keluarga En Tan akan menerima faedah-faedah (ERS dan rebat S&CC dan sewa) sebanyak \$3,540, jumlah yang sama banyaknya dengan GST tambahan untuk lebih daripada 9 tahun.

---

**2) Keluarga Ahmad - tinggal di flat HDB 4-bilik:**

Keluarga En Ahmad tinggal di flat HDB 4-bilik. En Ahmad ialah seorang Anggota Perkhidmatan Negara aktif yang berpendapatan \$2,800 sebulan sebagai teknisyen dalam perniagaan borong dan runcit sementara isterinya berpendapatan \$1,600 sebulan sebagai kerani di industri hotel dan restoran. Mereka mempunyai 2 orang anak yang bersekolah yang berusia di bawah 12 tahun. Mereka tinggal dengan bapa En Ahmad, seorang pesara berumur 70 tahun yang menghidap penyakit tekanan darah tinggi.

### **Bagaimana kenaikan GST akan menjejaskan keluarga En Ahmad?**

- Mereka belanja \$34,700 setahun. Tambahan GST sebanyak 2% akan menambahkan perbelanjaan mereka tidak lebih daripada \$694 setahun.

#### **Manfaat dan bantuan yang akan diterima oleh keluarga En Ahmad:**

- **Saham ERS.** Sebagai anggota Perkhidmatan Negara aktif, En Ahmad akan menerima ERS bernilai \$1,400 sementara isteri dan bapanya akan menerima ERS bernilai \$1,200 setiap orang. Oleh itu, keluarga En Ahmad menerima ERS bernilai \$3,800 tidak termasuk dividen daripada ERS mereka.
- **Rebat S&CC.** Dengan pakej mengimbangi GST, keluarga En Ahmad akan menerima rebat bagi bayaran perkhidmatan dan penyenggaraan (S&CC) bulanan. Mereka akan menerima rebat sebanyak \$480 bagi S&CC dalam jangka masa 5 tahun.
- **Penjimatan Cukai Pendapatan.** En Ahmad akan menerima penjimatan cukai kira-kira \$61 setiap tahun bagi tempoh 5 tahun hasil daripada potongan kadar cukai pendapatan. Isterinya tidak perlu membayar cukai.

Keluarga En Ahmad menerima jumlah manfaat sebanyak \$4,280 (ERS dan rebat S&CC). Kenaikan bersih cukai yang mereka harus bayar setiap tahun adalah lebih kurang  $(\$694 - \$61) = \$633$ . Jadi, manfaat yang mereka terima mengimbangi kenaikan cukai yang mereka harus bayar bagi tempoh hampir 7 tahun.

### **3) Keluarga Ravi - tinggal di sebuah kondominium privet**

Keluarga En Ravi tinggal di sebuah kondominium privet. En Ravi adalah seorang anggota Perkhidmatan Negara aktif dan berpendapatan \$7,500 sebulan sebagai pengurus sementara isterinya berpendapatan \$5,400 sebulan sebagai karyawan. Kedua-duanya bekerja di syarikat perkhidmatan kewangan. Mereka mempunyai 2 orang anak yang masih bersekolah di peringkat sekolah rendah.

### **Bagaimana kenaikan GST akan menjejaskan keluarga En Ravi dan apakah bantuan yang mereka akan terima?**

- Mereka belanja \$84,000 setahun. Tambahan GST sebanyak 2% akan menambahkan perbelanjaan mereka tidak lebih daripada \$1,680 setahun.

#### **Manfaat dan bantuan yang akan diterima oleh keluarga En Ravi:**

- **Saham ERS.** Sebagai anggota Perkhidmatan Negara aktif, En Ravi akan menerima ERS bernilai \$800 sementara isterinya menerima ERS bernilai \$600. Oleh itu, keluarga En Ravi menerima ERS bernilai \$1,400, tidak termasuk dividen yang mereka terima daripada ERS mereka.
- **Penjimatan Cukai Pendapatan.** Bagi tempoh 5 tahun, En Ravi secara purata akan menerima penjimatan cukai pendapatan sebanyak \$1,135 setiap tahun. Begitu juga isterinya yang akan menerima penjimatan \$350 setiap tahun.

Keluarga En Ravi menerima \$1,400 (dari ERS) dalam pakej mengimbangi kenaikan GST. Kenaikan bersih cukai mereka adalah  $(\$1,680 - \$1,485 = \$195)$  setiap tahun. Jadi, manfaat yang mereka terima mengimbangi kenaikan cukai yang mereka harus bayar bagi tempoh 7 tahun.